

No. 770.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

STATUT JAWATANKUASA KEBAJIKAN PELAJAR 2024

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Sultan Zainal Abidin [*P.U. (A) 456/2010*], Canselor membuat statut yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Statut ini bolehlah dinamakan Statut Jawatankuasa Kebajikan Pelajar 2024.

(2) Statut ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2024.

Tafsiran

2. Dalam Statut ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Kebajikan Pelajar;

“Lembaga” ertinya Lembaga Pengarah Universiti;

“Perlembagaan” ertinya Perlembagaan Universiti Sultan Zainal Abidin;

“Senat” ertinya badan akademik Universiti; dan

“Universiti” ertinya Universiti Sultan Zainal Abidin.

Keahlian Jawatankuasa

3. (1) Keahlian Jawatankuasa dan hendaklah terdiri daripada—

(a) Naib Canselor, yang hendaklah menjadi Pengerusi;

(b) Timbalan Naib Canselor yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal pelajar;

(c) seorang ahli Lembaga yang dilantik oleh Lembaga;

(d) dua orang ahli yang dipilih oleh Majlis Perwakilan Pelajar; dan

(e) dua orang pegawai Universiti yang dilantik oleh Lembaga.

(2) Pengerusi Jawatankuasa hendaklah melantik mana-mana pekerja Universiti menjadi Setiausaha Jawatankuasa.

Fungsi dan kuasa Jawatankuasa**4. Jawatankuasa bertanggungjawab—**

- (a) mempertimbangkan semua perkara yang berkaitan dengan kebajikan pelajar dan menasihati Lembaga, Senat dan Jawatankuasa Pengurusan Universiti mengenainya;
- (b) menguruskan dasar yang berkaitan dengan hal ehwal kebajikan pelajar yang merangkumi aspek pembentukan sahsiah, kesejahteraan, persekitaran pembelajaran, kemudahan pengangkutan, pemakanan, kesihatan, keselamatan, sukan dan riadah;
- (c) mengkaji, mencadang dan menyediakan dasar berkaitan dengan pinjaman dan bantuan kewangan kepada pelajar yang layak menerimanya dan juga mencadangkan penubuhan tabung amanah untuk kebajikan pelajar;
- (d) mengkaji dan mencadang Kaedah dan Peraturan yang berkaitan dengan kebajikan pelajar; dan
- (e) menjalankan apa-apa tugas lain yang diberikan kepada Jawatankuasa oleh Lembaga atau Naib Canselor.

Mesyuarat Jawatankuasa

5. (1) Pengerusi akan menentukan tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat Jawatankuasa dan mesyuarat itu hendaklah dipanggil oleh Setiausaha Jawatankuasa. Mesyuarat Jawatankuasa boleh dilaksanakan secara dalam talian atas persetujuan daripada Pengerusi.

(2) Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali dalam setahun.

(3) Kuorum untuk sesuatu mesyuarat Jawatankuasa ialah satu pertiga daripada ahlinya.

(4) Dalam masa ketidakhadiran Pengerusi Jawatankuasa, mesyuarat boleh melantik seorang pengerusi di kalangan ahlinya yang hadir dalam mesyuarat tersebut untuk mempengerusikan mesyuarat.

(5) Jawatankuasa boleh, dari semasa ke semasa, mengundang mana-mana orang, termasuk mana-mana pelajar, untuk menghadiri mesyuarat atau sebahagian daripada mesyuarat Jawatankuasa dan orang itu mempunyai hak untuk melihat mana-mana bahagian minit mesyuarat sebagaimana yang diluluskan oleh Jawatankuasa tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat itu.

(6) Jawatankuasa adalah mempunyai kuasa untuk membuat apa-apa peraturan berkaitan mesyuarat Jawatankuasa sebagaimana yang difikirkannya perlu.

Minit Mesyuarat

6. (1) Minit mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dikemukakan kepada Lembaga untuk tujuan rekod.

(2) Apa-apa keputusan mesyuarat Jawatankuasa yang minitnya belum disahkan tetapi perlu segera diambil tindakan oleh pihak yang dipertanggungjawabkan, maka tindakan tersebut adalah sah dan dibenarkan tertakluk kepada persetujuan Pengerusi dan hendaklah dicatatkan pada minit mesyuarat Jawatankuasa berikutnya.

Kuasa untuk mewakilkan

7. Seseorang pegawai atau sesuatu pihak berkuasa yang diberikan kuasa untuk menjalankan apa-apa kuasa atau melaksanakan apa-apa kewajipan dalam Statut ini boleh, dengan surat cara bertulis mewakilkan kuasa atau kewajipan itu supaya dijalankan oleh mana-mana pihak berkuasa atau jawatankuasa atau mana-mana orang yang dinyatakan dalam surat cara itu mengikut nama atau jawatannya.

Kesahan perbuatan Jawatankuasa yang menjalankan tugas berkenaan sebelum kuat kuasa Statut

8. Tiada apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh Jawatankuasa yang menjalankan tugas yang berkenaan sebelum kuat kuasanya Statut ini boleh menjadi tidak sah atas sebab Statut ini belum berkuat kuasa.

Dibuat 4 November 2023

K.D.Y.M.M. SULTANAH NUR ZAHIRAH
Canselor
Universiti Sultan Zainal Abidin

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971
CONSTITUTION OF UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
STUDENT WELFARE COMMITTEE STATUTE 2024

In exercise of the powers conferred by section 35(1) of the Constitution of Universiti Sultan Zainal Abidin [P.U. (A) 456/2010], the Chancellor makes the following statute:

Citation and commencement

1. (1) This Statute may be cited as the Student Welfare Committee Statute 2024.

(2) This Statute is deemed to have come into operation on 1 January 2024.

Interpretation

2. In this Statute, unless the context otherwise requires—

“Committee” means the Student Welfare Committee;

“Board” means the Board of Directors of the University;

“Constitution” means the Constitution of Universiti Sultan Zainal Abidin;

“Senate” means the academic body of the University; and

“University” means Universiti Sultan Zainal Abidin.

Membership of Committee

3. (1) The membership of the Committee shall consist of—

(a) the Vice-Chancellor, who shall be the Chairperson;

(b) the Deputy Vice-Chancellor in charge of student affairs;

(c) one Board member appointed by the Board;

(d) two members selected by the Student Representative Council; and

(e) two officers of the University appointed by the Board.

(2) The Chairperson of the Committee shall appoint any employee of the University to be the Secretary of the Committee.

Functions and powers of the Committee

4. The Committee shall be responsible—

(a) to evaluate all matters relating to student welfare and advise the Board, Senate and the Management Committee of the University thereto;

(b) to manage the policy in respect of student welfare which includes personality development, well-being, learning environment, transport facilities, nutrition, health, security, sports and recreation;

(c) to analyse, propose and prepare policy in relation to loan and financial assistance to eligible students and to propose the setting up of trust fund for student welfare;

(d) to study and propose the Rules and Regulations in relation to student welfare; and

(e) to exercise any other function as instructed to the Committee by the Board or Vice-Chancellor.

Meeting of the Committee

5. (1) The Chairperson will determine the date, time, venue and agenda for meetings of the Committee and the meetings shall be called by the Secretary of the Committee. The Committee meeting may be held online at the approval of the Chairperson.

(2) The Committee shall meet at least twice a year.

(3) The quorum of the meeting of the Committee is one-third of its members.

(4) In the absence of the Chairperson of the Committee, the meeting can appoint a chairperson among its members who are present to chair the meeting.

(5) The Committee may, from time to time, invite any person, including any student, to attend the meeting or part of the meeting of the Committee and that person has the right to look at any part of minutes of the meeting as may be approved by the Committee but that person shall not be entitled to vote in the meeting.

(6) The Committee shall have the power to make regulation in relation to the meetings of the Committee as it deems fit.

Minutes of meeting

6. (1) The minute of the Committee meeting shall be presented to the Board for records purposes.

(2) Any decision of the Committee meeting that has not been confirmed but requires immediate action by the responsible party, then the action is valid and permissible subject to the approval of the Chairperson and must be recorded in the minutes of the next Committee meeting.

Powers of delegation

7. Any officer or authority who is empowered to exercise any power of perform any duty under this Statute may, by instrument in writing, delegate the exercise of such powers or the performance of such duties to any authority or to any committee or to any person described therein by name or office.

Validity of acts of the Committee exercising the duty in question before the coming into operation of Statute

8. No acts or omissions by the Committee which exercises the duty in question before the coming into operation of this Statute shall be invalid on the ground that this Statute has not come into operation.

Made 4 November 2023

K.D.Y.M.M. SULTANAH NUR ZAHIRAH
Chancellor
Universiti Sultan Zainal Abidin